

Baca petikan di bawah ini, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Penyakit kencing tikus amat berbahaya dan telah banyak meragut nyawa manusia. Banyak kes kematian berlaku di negara kita disebabkan oleh penyakit ini. Sebagai contoh, pada bulan Mei 2017, seorang remaja maut akibat penyakit kencing tikus selepas mandi di Air Terjun Gunung Pulai.

Golongan yang sering melakukan aktiviti rekreasi air seperti di sungai dan di air terjun terdedah kepada penyakit ini. Selain itu, mangsa banjir yang terdedah kepada air banjir yang dicemari bakteria ini juga berisiko dijangkiti penyakit ini.

Pada awalnya, bakteria ini dikenal pasti datangnya daripada tikus. Namun kini, banyak haiwan lain yang boleh menjadi perumah bakteria berkenaan sama ada haiwan liar atau haiwan peliharaan.

Penyakit ini dapat berjangkit melalui sentuhan dengan tanah, air atau makanan yang dicemari oleh najis atau air kencing haiwan yang dijangkiti. Antara simptom jangkitan termasuklah demam panas, sakit kepala, menggigil, sakit otot, dan muntah.

Penyakit ini tidak boleh dipandang ringan kerana mampu membawa maut. Oleh sebab itu, masyarakat perlu diberi penerangan tentang langkah-langkah yang dapat diambil untuk melindungi diri mereka daripada jangkitan penyakit ini.

1. Siapakah yang berisiko dijangkiti penyakit ini?

- A Kanak-kanak
- B Mangsa banjir
- C Penduduk bandar
- D Golongan dewasa

2. Bilakah remaja yang dijangkiti penyakit kencing tikus meninggal dunia?

- A Mei 2017
- B Jun 2017
- C Mei 2018
- D Julai 2018

3. Bakteria penyakit ini dibawa sama ada oleh haiwan liar atau

- A haiwan air.
- B haiwan besar.
- C haiwan ganas.
- D haiwan peliharaan.

4. Apakah penerangan penting yang perlu diketahui oleh masyarakat tentang penyakit kencing tikus?

- A Asal usul penyakit
- B Jenis bakteria yang menjadi punca penyakit
- C Cara mengelakkan diri daripada jangkitan penyakit
- D Kisah mangsa yang pernah menghidap penyakit ini

5. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A Penyakit kencing tikus berpunca daripada tikus sahaja.
- B Demam panas bukan simptom penyakit kencing tikus.
- C Penyakit kencing tikus berjangkit menerusi udara.
- D Penyakit kencing tikus boleh berjangkit melalui air dan makanan.